



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN
PERUTUSAN

YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA HARI KESEDARAN AUTISME SEDUNIA 2023

2 APRIL 2023

TEMA:

“TRANSFORMASI: KEARAH DUNIA YANG NEURO-INKLUSIF BAGI SEMUA”
(Transformation: Toward a Neuro-Inclusive World for All)

1. Hari Kesedaran Autisme Sedunia disambut pada setiap 2 April dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu autisme dan betapa pentingnya kita mengambil kira hak asasi kesemua individu yang berkelainan upaya dan memberikan mereka peluang yang saksama bagi mencapai matlamat utama iaitu meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka.
2. Bagi tahun 2023, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) telah memilih **“Transformation: Toward a Neuro-Inclusive World for All”** sebagai tema sambutan, yang akan disambut diperingkat antarabangsa dengan acara yang diadakan secara virtual pada 2 April 2023. *Virtual event* ini diadakan dengan kerjasama individu autisme di seluruh dunia untuk membincangkan bagaimana

transformasi naratif (*narrative transformation*) berkaitan dengan *neurodiversity* boleh dilakukan untuk mengatasi cabaran yang dihadapi oleh individu autisme dan bagaimana kita dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka. *Virtual event* ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai sumbangan yang telah dan boleh dilakukan oleh individu autisme kepada masyarakat dan kepada pencapaian *United Nations Sustainable Development Goals*. Orang ramai yang ingin mengikuti *Virtual event* ini boleh menyertainya melalui platform media sosial Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations).

3. Autisme ialah keadaan neurologi sepanjang hayat yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak (*early childhood*), tanpa mengira jantina, bangsa atau status sosio-ekonomi. Keadaan variasi neurologi (*neurological variations*) ini mengubah perkembangan seseorang daripada *typical* kepada bukan *typical* dan boleh memberi impak kepada individu autisme dari segi pembelajaran, kehidupan berkeluarga, peluang pekerjaan, kebolehan individu tersebut untuk berdikari dan sebagainya. Autisme bukan sejenis penyakit yang boleh dirawat dengan ubat-ubatan. Diagnosis bagi individu autisme biasanya dibuat antara umur 2 hingga 3 tahun dan istilah Spektrum Autisme (*Autism Spectrum*) merujuk kepada pelbagai ciri atau karakteristik. Di antara ciri atau karakteristik autism ialah:-

- a) Keunikan dari segi mereka berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial atau *social interaction*;

b) Keunikan dari segi tingkah laku, minat dan aktiviti;

Disebabkan oleh kedua karakteristik ini, individu autisme mungkin menunjukkan kelainan apabila berinteraksi secara sosial dengan orang lain dan menggunakan kaedah atau cara pembelajaran yang berlainan. Mereka mungkin menunjukkan minat yang mendalam dalam beberapa perkara tertentu, lebih selesa melakukan sesuatu perbuatan secara rutin dan sukar untuk menerima jika terdapat perubahan terhadap rutin mereka. Individu autisme mungkin mendapati tatacara komunikasi yang tipikal (*typical communication*) adalah mencabar dan mungkin mempunyai cara tersendiri untuk memproses maklumat sensori (*sensory information*).

4. Walau bagaimanapun, dengan sokongan yang sesuai dan penerimaan variasi neurologi ini, individu dengan autisme akan dapat menikmati peluang yang saksama (*fair opportunities*) dan penyertaan penuh dan berkesan dalam kehidupan masyarakat. Kadar autisme adalah amat tinggi dan kian meningkat di seluruh dunia. Pusat Kawalan Penyakit dan Pencegahan (*Centers for Disease Control and Prevention*) di Amerika Syarikat menganggarkan 1 di antara 36 orang (2.8%) kanak-kanak berumur lapan tahun telah dikenal pasti mengalami autisme. Ini menunjukkan kenaikan daripada anggaran sebelum ini iaitu pada tahun 2018, autisme dikenal pasti pada 1 dalam 44 orang (2.3%).

5. Bagi mengetahui kadar sebenar autisme di Negara Brunei Darussalam, kita perlu menjalankan kajian yang sama ke atas kesemua kanak-kanak berumur lapan tahun dan kajian ini perlu diulang setiap tiga ke empat tahun untuk menganalisa trend sedia ada, iaitu sama ada terdapat peningkatan terhadap individu autisme di negara ini. Walaupun kajian ini belum dilakukan, kita dapat melihat terdapat kenaikan pada kadar autisme di Negara Brunei Darussalam melalui diagnosis yang dilakukan terhadap kanak-kanak setiap tahun. Secara purata dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, di Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Kiarong, lebih kurang seramai 148 orang kanak-kanak didiagnosis mengalami autisme setiap tahun dan trend keramaian kanak-kanak yang mengalami autisme kian meningkat.
6. Sama seperti orang lain, individu autisme juga mempunyai pelbagai tahap bakat dan kebolehan. Disebalik itu, mereka juga selalu menghadapi pelbagai cabaran yang mana mungkin tidak disedari oleh masyarakat sekeliling mereka. Dalam situasi seperti inilah kesedaran, penerimaan dan sokongan amat penting dan dapat mengubah kehidupan individu autisme ke tahap yang lebih baik. Perkembangan kanak-kanak autisme juga diberikan perhatian khusus. Kearah matlamat ini, Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Kementerian Kesihatan bukan saja menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara *regular*, tetapi ianya juga memberikan pelbagai perkhidmatan bagi menyokong perkembangan awal kanak-kanak autisme.

Diantara perkhidmatan yang diberikan ialah:-

- a) khidmat nasihat perubatan;
 - b) perkhidmatan jurupulih pertuturan;
 - c) pemulihan tertentu termasuk pemulihan anggota;
 - d) pemulihan cara kerja
 - e) perkhidmatan penjagaan pergigian;
 - f) perkhidmatan program perkembangan awal (bagi persediaan pra-sekolah);
 - g) perkhidmatan audiologi;
 - h) guru bagi kanak-kanak kurang pendengaran;
 - i) perkhidmatan psikologi; dan
 - j) juga program perkembangan awal kanak-kanak.
7. Sokongan ahli keluarga, rakan sekerja, majikan serta stakeholders lain termasuk penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan semua lapisan masyarakat adalah amat penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai autisme dan memastikan kesemua individu yang berkecenderungan diberikan peluang yang saksama untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa memerhatikan perkembangan semasa dalam hal yang berkaitan dengan autisme dan akan mengambil langkah-langkah yang perlu dan sewajarnya.

8. Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kesedaran Autisme Sedunia kepada semua, terutama sekali kepada individu autisme dan saya berharap agar kita semua akan lebih prihatin terhadap keperluan, keunikan, keistimewaan dan cabaran yang dialami oleh individu-individu autisme dikalangan kita agar Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang lebih inklusif dan penyayang.

-TAMAT-